



## Pendemokrasian mahasiswa di Intitusi Pengajian Tinggi di Universiti Kebangsaan Malaysia

Roslizawati Taib, Mohd Rizal Yaakop

Pusat Penyelidikan Politik dan Keselamatan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence : Roslizawati Taib (email: rosliza25@gmail.com)

### Abstrak

Sejak akhir-akhir ini, terdapat perubahan dilihat dalam penyertaan politik anak-anak muda, terutamanya di negara-negara membangun termasuklah Malaysia. Evolusi perjuangan politik generasi muda radikal di Malaysia bermula seawal hari Malaysia mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Corak dan trend gerakan golongan muda sejak kemerdekaan dapat dilihat dengan jelas. Objektif tertentu digariskan khusus untuk menyuarakan kebimbangan mereka untuk beberapa isu yang berkaitan dengan masyarakat dan merayu kepada kerajaan untuk menangani isu-isu tersebut. Oleh itu, fokus kajian ini adalah untuk membincangkan penglibatan mahasiswa dalam politik kampus dan melihat elemen pendemokrasian yang dilakukan oleh mahasiswa universiti serta perubahan budaya berpolitik mereka. Data berbentuk primer dan sekunder dianalisis secara kualitatif. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan borang kaji selidik terhadap 60 orang responden bagi tahun 2014 dan 130 responden untuk tahun 2015. Hasil kajian menunjukkan faktor internal yang paling signifikan mendorong mahasiswa memprotes dan bukan dipengaruhi oleh politik luar semata-mata. Penglibatan anak muda sangat penting dalam usaha pendemokrasian dan sebagai usaha ke arah pembentukan landskap politik yang baharu di Malaysia.

**Kata Kunci:** demokrasi, gerakan muda, golongan muda, pelajar universiti, penyertaan politik, protes politik

## Democratization of students at institution of higher learning in Universiti Kebangsaan Malaysia

### Abstract

Recently, there has been a noticeable shift in youth political participation, especially in developing countries such as Malaysia. The evolution of radical youth political struggle in Malaysia began soon after its independence on 31<sup>st</sup> August 1957. The patterns and trends of this youth movement since then became apparent due to its specific objectives, particularly on voicing their concerns on issues affecting the community and call for a more proactive government to resolve these issues. The objective of this study is to discuss the most significant factors of student participation in campus politics, the democratization process of university students as well as changes in their political culture. This study uses qualitative and quantitative analysis for its primary and secondary data. A total of 60 respondents for 2014, 129 respondents for 2015 and 130 respondents for 2016 were selected respectively and data collection was obtained through a questionnaire. The findings show that internal factors significantly encouraged students to protest and not the influences of external politics. Youth participation is imperative in the democratization process and in efforts towards the realization of a new political landscape in Malaysia.

**Keywords:** democracy, youth movement, youth, university student, political participation, political protest

## Pengenalan

Istilah protes begitu sinonim dengan politik golongan muda kerana kelompok ini memiliki kualiti yang unik untuk mentransformasikan sesuatu tindakan kegunaan kepada satu tindakan kolektif yang berkesan (Wasserstrom, 1991). Terdapat sesetengah pengkaji yang mengkaji tentang kebangkitan budaya berpolitik kerana ianya memiliki hubungan sistematik di antara budaya politik dengan proses transformasi politik dan ekonomi bagi sesebuah negara (Jackman & Miller, 1996). Protes dan demonstrasi telah menjadi agen pendemokrasian dalam kalangan anak muda khususnya mahasiswa (Ashby, 1966). Setelah reda isu Reformasi sejak tahun 1998, landskap politik di Malaysia juga dilihat mulai berubah. Ini kerana protes politik dalam kalangan mahasiswa pada awalnya dilihat hanya berkisar kepada isu pengabaian kebajikan mahasiswa termasuklah isu air, masalah wi-fi serta lain-lain isu yang berbangkit. Namun begitu, ianya dilihat bangkit semula apabila protes dan demonstrasi mahasiswa dikaitkan pula dengan dokongan idealisme dan perjuangan politik nasional yang diserap masuk ke dalam politik kampus. Meskipun dengan kewujudan pelbagai kekangan dan sekatan oleh pihak kerajaan dan pentadbiran universiti sendiri, ianya seolah-olah menyumbang kepada protes mahasiswa era kontemporari. Perasaan tidak puas hati yang dilaksanakan dalam bentuk kolektif mampu menyumbang kepada pencapaian yang lebih berkesan. Persoalannya, sejauh mana wujudnya pengaruh politik kepartian dalam pilihan raya kampus sehingga menimbulkan protes dan demonstrasi di dalam kampus serta implikasi penglibatan mereka dalam politik kepartian di negara ini.

## Kajian literatur

Meskipun terdapat banyak kajian tentang politik golongan muda, namun kajian yang memfokus tentang penglibatan politik protes dalam kalangan anak muda khususnya mahasiswa dilihat masih kurang. Namun begitu, terdapat beberapa kajian yang mengkaji tentang penglibatan politik mereka. Bentuk penglibatan mahasiswa universiti bukan sahaja terhad kepada aktiviti mengundi, tetapi juga terlibat dalam seminar, majlis diskusi, aktiviti pertubuhan pelajar, penerbitan akhbar, majalah atau *newsletter*, demonstrasi atau tunjuk perasaan serta penglibatan pelajar dalam parti politik (Muhammad, 1984). Kajian tentang faktor-faktor yang menyumbang penglibatan politik mahasiswa secara umum turut pernah dilakukan. Aspek sistem pendidikan yang mewujudkan politik kampus secara tidak langsung telah berjaya meningkatkan daya kepimpinan mahasiswa sekaligus menyeret mereka dalam dunia politik yang sebenar. Pandangan Muhammad (1984) ini dikuatkan lagi dengan kajian oleh Zeilig dan Ansell (2008) yang telahpun mengenal pasti bahawa faktor sistem pendidikan memberi ruang kepada mahasiswa untuk terlibat dalam politik dari perspektif sistem itu sendiri. Ini kerana mereka membuktikan bahawa sistem pendidikan tinggi yang memberikan ruang kepada pelajar-pelajar terlibat dalam politik kampus secara tidak langsung menjadi penyumbang utama kepada protes politik sama ada di peringkat kampus mahupun nasional.

Faktor pendidikan (memfokus kepada kurikulum) telah mendidik golongan ini untuk berfikir secara kritis dalam menilai senario yang sedang berlaku di sekeliling mereka (Arbi Sanit, 1999). Sebenarnya, penglibatan politik mahasiswa dapat memberi pengaruh yang sangat kuat kepada pengurusan universiti, sistem pendidikan, pembangunan dan perdagangan negara sepertimana yang berlaku di Bangladesh (Alam et al., 2011; Alam, 2003). Bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan dianggap sebagai satu bidang yang mengandungi kurikulum berbentuk menyeluruh yang mana ianya sekaligus dapat membantu golongan muda berfikir secara kreatif dan kritis sehingga mampu melontarkan pandangan yang dianggap sejajar dengan keperluan. Farnen dan Dan (1972) juga mempunyai pandangan yang sama iaitu pendidikan menjadi faktor penglibatan protes dalam kalangan mahasiswa.

Kajian terkini yang dilakukan oleh Fauzi dan Ku Hasnita (2015) tentang penglibatan politik mahasiswa dilihat agak terhad perbincangannya. Ini kerana hasil kajian ini adalah memfokus kepada kebangkitan mahasiswa dalam protes dan demonstrasi kesan daripada pindaan AUKU pada tahun 2012, telah mengakibatkan gerakan pelajar dilihat kembali relevan dalam pilihan raya umum ke-13 yang lalu. Tuntutan mahasiswa adalah lebih kepada menuntut kepada kuasa autonomi yang sekian lama hilang sejak AUKU diperkenalkan. Namun begitu, kajian ini tidak melihat penglibatan politik

mahasiswa di kampus secara khusus, tetapi dibincangkan secara umum, iaitu penglibatan mahasiswa dalam protes politik di peringkat nasional. Aspek kelemahan dalam pengurusan institusi pendidikan menimbulkan ketidakpuasan hati, merupakan faktor yang sangat signifikan untuk mendorong mahasiswa terlibat dalam protes politik (Munson, 2010; Zhao, 2009). Malah, terdapat beberapa kriteria atau kelompongan yang telah pun berjaya dikenal pasti mempunyai hubungan secara langsung dengan sistem pendidikan tinggi itu sendiri yang menjadi penyumbang kepada protes termasuklah keengganan untuk berubah ataupun pembaharuan (mengekal konservatisme), organisasi yang lemah, sistem pengurusan yang lama, kebergantungan institusi terhadap bantuan kewangan kerajaan, kekurangan kuasa autonomi dan kebebasan akademik di universiti (Sawahel, 2012).

Kajian terhadap 141,189 orang pelajar tahun pertama universiti di seluruh Amerika Syarikat adalah lebih bersifat realistik apabila melihat tindakan protes bukanlah satu tindakan yang dilakukan apabila timbul sebarang isu yang ingin diperjuangkan semata-mata, sebaliknya merupakan tindakan yang perlu dan difikirkan oleh mahasiswa sejak awal lagi sebelum mendaftar masuk sebagai pelajar tahun pertama (*UCLA's Higher Education Research Institute*). Hasil kajian mendapati bahawa satu daripada 10 pelajar tahun pertama menjangka bahawa mereka akan terlibat dalam protes ketika melangkah masuk ke kampus (sejak tahun pertama). Jika di Amerika Syarikat, isu yang diperjuangkan adalah lebih kepada isu permusuhan etnik dalam kampus atau diskriminasi dan isu kenaikan kos pengajian, pelajar kulit hitam dijangkakan menjadi kelompok pelajar yang akan lebih banyak terlibat secara aktif dalam protes di kampus. Protes di universiti dijadikan sebagai platform untuk meningkatkan pemahaman mereka terhadap politik dan budaya negara lain.

Sistem pendidikan di Amerika Syarikat dilihat berbeza dengan sistem pendidikan di Malaysia kerana pelajar-pelajar di Amerika Syarikat memang benar-benar merasakan bahawa politik kampus mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan dunia politik nasional sehingga tuntutan yang mereka perjuangkan melibatkan isu yang besar termasuklah pembelaan ke atas pelajar yang kurang berkemampuan, serta isu sosial termasuklah menuntut agar ganja dan pengguguran dibenarkan oleh undang-undang di sana. Walaupun secara lahiriahnya, tuntutan mahasiswa Malaysia dilihat masih terikat dalam lingkungan kepentingan pelajar itu sendiri akibat daripada kekangan AUKU, namun tidak dapat dinafikan bahawa adanya tindakan sebahagian mahasiswa yang radikal dan melakukan protes membuktikan bahawa konfrontasi antara pihak kerajaan dengan mahasiswa tidak pernah reda sehingga ke hari ini (Junaidi et al., 2015).

Ianya dapat dijustifikasikan dengan menganalisis hasil kajian oleh Mohd Fuad et al., (2009; 2005) yang dijalankan ke atas pelajar IPTA di Malaysia. Hasil kajiannya dilihat agak berbeza dengan pandangan beberapa sarjana yang meletakkan faktor institusi dan sistem pendidikan sebagai pembakar semangat mahasiswa untuk terlibat dalam protes kampus dan berterusan kepada protes politik di peringkat nasional. Ini kerana, data yang diperolehi lebih memfokus kepada penglibatan politik dalam aspek pengundian dalam pilihan raya negara tetapi tidak melihat dari aspek yang lain sedangkan 'penglibatan politik' merupakan satu konteks yang lebih luas interpretasinya. Buktinya, soal selidik yang telah beliau lakukan ke atas mahasiswa dari 11 buah universiti di Malaysia (UKM, UM, UPM, UiTM, UIA, USM, UTM, UPSI, UUM, UMS dan UNIMAS) mendapati bahawa, 27.2 peratus pelajar IPTA masih belum mendaftar sebagai pengundi walaupun telah mencapai umur untuk mengundi. Penglibatan politik kampus dalam kalangan mahasiswa UKM dilihat berpunca daripada keinginan untuk menuntut kebebasan bersuara dan peningkatan taraf hidup rakyat. Ini dapat menunjukkan kematangan mahasiswa dalam berpolitik apabila kepimpinan di UKM dilihat silih berganti apabila menjelang pilihan raya kampus (Mohd Fuad et al., 2013).

Dapatan kajian oleh Junaidi et al. (2015) dilihat bertepatan dengan pandangan yang diberikan oleh Mohd Fuad, menggunakan kaedah temuramah berstruktur terhadap 800 orang pelajar UKM daripada pelbagai jurusan. Hasil kajian mendapati bahawa memang terdapat sekelompok kecil pelajar yang tidak terlibat dalam politik disebabkan oleh kurangnya pengetahuan dan minat terhadap politik (22.8 peratus). Penglibatan politik mahasiswa yang lain pula termasuklah dalam aktiviti melobi atau menjadi pihak yang menekan dalam politik kampus, terlibat dalam kempen, penyampai maklumat kepada ahli keluarga dan teman sekampus, terlibat dalam pengundian sama ada dalam politik kampus atau nasional, serta sekumpulan mahasiswa yang kurang atau langsung tidak keluar mengundi tetapi mempunyai minat dalam politik kampus. Kesedaran berpartisipasi timbul

disebabkan oleh perkembangan teknologi, komunikasi dan pengetahuan sehingga mengubah perilaku politik mahasiswa peringkat ijazah (Hussain, 1997).

Menerusi analisis regresi yang menggunakan kaedah analisis *Statistical Package Social Science* (SPSS) mendapati bahawa majoriti pelajar di UKM adalah lebih cenderung menggunakan media sosial termasuklah maklumat dari *Tagged, Facebook, Yahoo Messenger, Twitter*, laman-laman forum dan blog bebas digunakan oleh informan yang celik IT. Ini adalah disebabkan oleh sumber maklumat yang pelbagai, interaktif, cepat, bersifat informatif dan sering memberikan maklumat yang terkini (Junaidi et al., 2013). Pandangan ini dikuatkan lagi oleh satu kajian yang dilakukan oleh Sivamurugan (2014) yang melihat bahawa media arus perdana kurang dipentingkan pada era kini khususnya dalam kalangan anak muda kerana media alternatif lebih menjadi pilihan untuk mendapatkan maklumat politik dan meluahkan ketidakpuasan hati golongan tersebut kepada pihak pemerintah.

Gerakan sosial di Malaysia teretus akibat daripada proses globalisasi pada akhir dekad 1990-an. Ini adalah kerana kesedaran hak sivil semakin meningkat apabila mereka mulai berani mengutarakan tentang isu hak asasi manusia, *good governance*, pengagihan sumber awam yang adil dan telus, hak sivil, serta persoalan yang melibatkan gender (Nidzam & Bilcher, 2002). Globalisasi memberi implikasi dari sudut penglibatan anak muda atau mahasiswa kepada mentransformasikan semua aspek yang pernah dilalui oleh mereka sama ada dalam bidang ekonomi, sosial dan budaya, berubah ke arah yang lebih bersifat global (Hazita et al., 2011). Isu krisis kewangan 1997 serta pemecatan Anwar Ibrahim telah mengubah lanskap politik Malaysia era 1990-an apabila wujudnya gerakan politik yang bersifat multi-etnik (Francis, 2003) dan bertambahnya penglibatan mahasiswa universiti dalam protes politik.

Dapatan kajian Siti Noranizahhafizah et al. (2016) ke atas penglibatan politik kampus dalam kalangan mahasiswa telah dilakukan ke atas pelajar-pelajar Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI). Kajian berbentuk kuantitatif ini lebih memfokus kepada pilihan raya kampus di UPSI dengan 508 informan dipilih secara rawak dari sudut jantina, latar belakang pendidikan dan ideologi yang berbeza-beza. Hasil kajian menunjukkan masih terdapat lebih daripada 50 peratus mahasiswa khususnya pelajar wanita yang tidak terlibat dalam politik kampus sama ada menjadi calon, AJK atau ahli biasa. Malah, kebarangkalian mereka yang terlibat secara aktif dalam politik adalah individu yang juga aktif dalam aktiviti persatuan dan badan organisasi pelajar (Muhammad, 1987) dan seterusnya akan memberi peluang kepada mereka dalam berkempen serta bertanding dalam pilihan raya.

## Metodologi kajian


Data kajian didapati daripada sumber primer dan sekunder. Data primer adalah melalui kaji selidik. Kaji selidik telah dijalankan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) kampus Bangi. Seramai 60 orang responden bagi tahun 2014 dan 130 responden untuk tahun 2015 telah dijadikan sebagai responden secara kumpulan terfokus (*focus group*), iaitu mereka yang terdiri daripada mahasiswa lelaki dan perempuan, pelajar tahun pertama, kedua, ketiga dan keempat UKM berumur dalam lingkungan 18-21 tahun mengikut bangsa beserta dengan pelbagai latar belakang keluarga dan tahap penggunaan media sosial telah dipilih secara rawak bersistematik adalah sangat bersesuaian dengan pengumpulan data kuantitatif dalam mengumpul data primer, hasil daripada soal selidik (Morgan 1997). Kaji selidik dijalankan lebih bertujuan untuk mendapatkan maklumat latar belakang demografi, faktor internal dan eksternal yang mempengaruhi pelajar-pelajar terlibat dalam protes dan isu berbangkit sepanjang pilihan raya kampus bagi tahun 2014.

Selain itu, perbincangan akan dilakukan dalam bentuk analisis deskriptif yang mengkaji tentang tingkah laku manusia yang boleh diamati sama ada dalam bentuk lisan atau tulisan (Taylor & Bogdan, 1984). Ini adalah kerana ianya amat bersesuaian dengan objektif kajian yang berkeinginan untuk menghuraikan permasalahan yang wujud terhadap sejauh mana penglibatan protes politik golongan muda IPTA di Malaysia, faktor-faktor signifikan yang mendorong kepada penglibatan mereka, serta perubahan corak atau trend penglibatan politik golongan muda dalam era kontemporari disebabkan oleh adanya pengaruh politik luar.

Kaedah ini terfokus kepada proses pencarian dan pemahaman tentang pelbagai aspek, menjelaskan faktor penyebab kepada isu yang dibangkitkan serta rangkaian sebab akibat tentang sesuatu isu itu.

## Kawasan kajian

Idea awal penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) adalah atas cetusan idea Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) yang berinspirasi untuk mewujudkan sebuah universiti yang menggunakan bahasa perantaraannya adalah bahasa Melayu yang ingin melihat sebuah universiti berciri kebangsaan membawa aspirasi bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda dan pengantar utama di universiti. Oleh sebab itulah, maka pada 18 Mei 1970, UKM telah berjaya merasmikan operasi universitinya di Lembah Pantai Kuala Lumpur, iaitu dengan menawarkan kursus prasiswazah pertamanya dalam Fakulti Sains, Fakulti Sastera dan Fakulti Pengajian Islam. Manakala UKM Bangi pula telah memulakan operasinya pada tahun 1977 dan sehingga kini, UKM telah menawarkan sebanyak 13 buah fakulti. UKM memiliki satu moto baru melalui barisan kata-kata 'Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan'. Di sinilah terlihat bahawa fungsi dan peranan UKM dalam melahirkan sebuah masyarakat akademik yang berpotensi dan gemilang pada masa hadapan. Kini, kedudukan kampus pusatnya terletak di Bandar Baru Bangi. Lokasi UKM terletak di dalam Bandar Baru Bangi (Rajah 1).



Sumber: <http://www.ukm.my/portal/lokasi-ukm-peta-kampus/>

**Rajah 1.** Lokasi Universiti Kebangsaan Malaysia

UKM dipilih sebagai kawasan kajian memandangkan isu protes dan demonstrasi berbau politik dilihat mulai merebak ke dalam kampus terutamanya apabila menjelang musim pilihan raya kampus. Malah, ianya dilihat sangat dinamik apabila kemenangan kerusi pilihan raya silih berganti dan tidak hanya didominasi oleh sesuatu pihak sahaja. Komposisi kaum dalam kalangan mahasiswa di UKM yang dilihat seimbang juga menjadi sebab mengapa ianya sesuai dijadikan sebagai tempat kajian. Mahasiswa UKM sebenarnya secara tidak langsung mewakili suara hati rakyat Malaysia khususnya golongan muda belia yang bakal menjadi penentu perjalanan politik negara. Atas alasan itulah, menjadikan ianya lebih menarik untuk dijadikan sebagai kawasan kajian. Ini kerana, sekiranya perubahan lanskap politik nasional berubah warna, kebarangkalian untuk berubahnya budaya politik kampus juga adalah sangat tinggi apabila golongan mahasiswa yang akan

dijadikan sasaran untuk menyebarkan ideologi politik masing-masing. Pemilihan tempoh masa kajian antara tahun 2014 dan 2015 adalah memadai untuk mendapatkan data yang diperlukan.

## Hasil kajian dan perbincangan

### *Maklumat latar belakang responden*

Bagi bilangan responden bagi tahun 2014, seramai 60 orang responden iaitu mereka yang terdiri daripada mahasiswa UKM yang berada dalam lingkungan umur di antara 18-21 tahun telah dipilih secara rawak. Daripada jumlah tersebut, seramai 43 orang (72%) responden adalah terdiri daripada perempuan manakala 17 orang (28%) pula adalah responden lelaki. Dari sudut pecahan tahun pengajian mereka pula, responden yang dipilih untuk adalah dalam lingkungan umur 18-21 tahun, iaitu daripada tahap pengajian tahun pertama sehingga tahun empat. Tahun pertama adalah pelajar-pelajar yang baru pertama kali menghadapi pilihan raya kampus dan pandangan mereka dianggap perlu memandangkan mereka tidak diresapi oleh banyak ideologi dan fahaman luar yang dibawa oleh senior mereka. Jadi pandangan mereka dilihat lebih ikhlas dan bukannya terkesan oleh sebarang keadaan, senario dan hujahan daripada politik luar semata-mata. Walaupun jumlahnya agak kecil iaitu hanya 5 orang responden berbanding dengan tahun kedua dengan 32 responden, tahun ketiga 11 responden dan 12 responden untuk tahun keempat, namun pandangan yang diberikan dapat mewakili suara hati rakan seperjuangan yang lain. Pelajar tahun 2, 3 dan tahun 4 (Sains Forensik) dipilih kerana mereka sudah biasa dengan perjalanan politik kampus dan lebih dianggap matang berpolitik.

Terdapat seramai 54 orang responden (90%) adalah pelajar yang berbangsa Melayu, 2 orang berbangsa India (3%), 2 orang berbangsa Cina (4%) dan 2 orang (3%) yang terdiri daripada lain-lain bangsa (suku kaum di Sarawak). Manakala dari sudut penggunaan media sosial pula, sebanyak 59 orang responden atau 98% pelajar aktif menggunakan media sosial berbanding dengan seorang atau 1.7% pula tidak menggunakan media sosial secara aktif. Penggunaan media sosial adalah sangat sinonim dengan kesedaran berpolitik terutamanya bermula daripada era reformasi yang mana pada ketika krisis politik pada tahun 1998, berlaku juga satu gerakan reformasi terhadap ruang siber (Ahmad Lutfi, 1998). Mendapatkan maklumat politik menggunakan ruang siber adalah lebih cepat dan mudah berbanding dengan media arus perdana.

**Jadual 1. Ciri-Ciri Demografi Responden**

Pemboleh ubah	Bilangan (n=60)	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	17	28.3
Perempuan	43	71.7
Tahun Pengajian		
Tahun 1	5	8.3
Tahun 2	32	53.3
Tahun 3	11	18.3
Tahun 4	12	20.0
Etnik		
Melayu	54	90
Cina	2	3.3
India	2	3.3
Lain-lain	2	3.3
Penggunaan Media Sosial		
Pernah	59	98.3
Tidak pernah	1	1.7

## Penglibatan protes politik mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia

### *Faktor internal*

Dengan mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar untuk memprotes, kita boleh menilai apakah sebab yang paling signifikan mendorong mereka terlibat dalam tindakan tersebut di peringkat kampus universiti dan dapat dikaitkan faktor-faktor tersebut dengan tahap penglibatan protes pelajar di kampus. Faktor yang paling signifikan dapat membantu pengkaji membuat penilaian tentang tujuan sebenar mahasiswa terlibat dalam protes politik yang seterusnya juga akan dapat mengaitkan faktor-faktor yang ada dengan tahap penglibatan protes mahasiswa selama ini adalah menuju ke arah yang radikal atau sebaliknya. Oleh yang demikian, soal selidik ini dipecahkan kepada faktor yang bersifat internal dan eksternal.

Merujuk Jadual 2, item 2 mencatat min tertinggi, 3.9667 iaitu item 'masalah gangguan bekalan air'. Manakala item seterusnya, adalah item pertama, iaitu 'masalah pengurusan pihak universiti yang kurang cekap' mencatat min sebanyak 3.6333. Sebaliknya, ini bukanlah faktor dominan seperti mana dinyatakan oleh Zhao (2010) dan Munson (2009). Item 3 pula adalah 'harga makanan yang mahal' dengan 3.7833, dan item enam dengan min 3.8667 iaitu 'masalah internet dan wi-fi'. Ini diikuti pula dengan item 4 dengan min 3.7500 iaitu 'yuran pengajian yang mahal'. Selain itu, faktor yang dilihat paling lemah dalam menyumbang kepada protes politik di kampus adalah bagi item lima, iaitu 'masalah pengangkutan untuk ke kelas' skor min sebanyak 3.4167. Terdapat 4 item yang mencatat min melebihi 3.67 iaitu C2, C3, C4 dan C6.

Ini menunjukkan bahawa faktor internal yang paling signifikan sehingga tercetusnya protes adalah isu yang melibatkan kebajikan pelajar-pelajar iaitu air, internet dan wi-fi, harga makanan serta yuran pengajian yang mahal. Air merupakan satu keperluan asas kepada semua warga kampus dianggap sangat menekan kehidupan kampus mahasiswa terutamanya dari aspek emosi. Ini kerana dengan ketiadaan isu air, mereka terpaksa berhadapan dengan masalah-masalah lain yang mengganggu kelancaran aktiviti mereka seharian. Jika kita mengimbas kembali protes pelajar UKM yang agak serius adalah berkisar tentang tuntutan air. Meskipun faktor sistem pendidikan yang berada pada item ke-7 mencatat min sebanyak 3.4833, namun kita tidak boleh menafikan tentang kekuatan faktor tersebut dalam menolak pelajar-pelajar UKM untuk memprotes sepertimana yang dinyatakan oleh Sanit (1999); Zeilig dan Ansell (2008); Muhammad (1984) kerana sistem pendidikan tinggi yang sedia ada di Malaysia sebenarnya memberi ruang kepada mahasiswa untuk berpartisipasi dan terlibat secara langsung dalam politik, malah menjadi satu platform kepada mahasiswa untuk menjadi lebih matang berpolitik.

**Jadual 2: Faktor Dalaman (Internal) yang Mempengaruhi Pelajar Terlibat dalam Protes**

Item	Min	Sisihan piawai
(C1) Pihak pengurusan universiti yang kurang cekap	3.6333	.88234
(C2) Masalah gangguan bekalan air	3.9667	.82270
(C3) Harga makanan mahal	3.7833	.86537
(C4) Yuran pengajian mahal	3.7500	.89490
(C5) Masalah pengangkutan ke kelas	3.4167	.97931
(C6) Masalah internet dan wi-fi	3.8667	.98233
(C7) Tanggungjawab sebagai mahasiswa	3.4833	.94764

### *Faktor eksternal*

Jadual 3 menerangkan tentang faktor-faktor eksternal yang telah mendorong pelajar-pelajar UKM untuk terlibat dalam protes politik di kampus. Item pertama merupakan item dianggap kurang popular kerana mencatat skor min terendah, 3.1333 (SP=1.03) iaitu yang menyatakan pengaruh daripada politik luar (politik kepartian) sebagai pendorong utama mereka untuk memprotes. Ini menunjukkan bahawa protes mahasiswa di kampus tidak mampu membawa protes atau demonstrasi

sehingga ke peringkat politik nasional disebabkan oleh pengaruh politik luar itu adalah sangat minimal. Ia tidak sehingga dapat melahirkan sebuah gerakan atau kelompok aktivis mahasiswa yang terancang dan teratur sepertimana di negara demokrasi lain. Begitu juga dengan adanya penekanan pentadbiran universiti terhadap pelaksanaan AUKU di peringkat universiti, dilihat akan mematahkan kemaraan mahasiswa untuk bertindak lebih jauh dalam dunia kepolitikan. Manakala min tertinggi adalah bagi item 5 dan 6, iaitu 'penggunaan media sosial yang semakin meningkat' (SP=0.86) dan 'memperjuangkan agama dan kaum' dengan catatan min sebanyak 3.7333 (SP=0.75). Ini menunjukkan adanya keselarasan dengan pandangan pelajar terhadap faktor dalaman (internal) iaitu penglibatan protes pelajar di peringkat universiti hanya dalam menyelesaikan isu-isu dalaman (internal) berbanding dengan eksternal seperti pengaruh politik luar. Namun, data menunjukkan bahawa mahasiswa lebih cenderung berpartisipasi lebih bertujuan untuk memperjuangkan agama serta kaum sepertimana yang dinyatakan oleh Mohd Fuad (2013) yang melihat bahawa penglibatan mahasiswa adalah bertujuan untuk mendapatkan kebebasan bersuara dan meningkatkan taraf hidup rakyat, namun faktor media sosial menjadi faktor yang sangat dominan. Media sosial menjadi pilihan mahasiswa pada hari ini dalam mendapatkan atau menyampaikan informasi yang berkaitan dengan politik, bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Junaidi et. al (2013).

**Jadual 3: Faktor Luaran yang Mempengaruhi Pelajar Terlibat Dalam Protes**

Item	Min	Sisihan piawai
(D1) Pengaruh politik luar	3.1333	1.03280
(D2) Ekonomi teruk dan kadar pengangguran tinggi	3.5000	1.04962
(D3) Isu rasuah, kronisme dan politik	3.6000	.88681
(D4) Kerajaan memerintah tidak adil	3.5500	.90993
(D5) Pengaruh media sosial	3.7333	.86095
(D6) Memperjuangkan agama dan kaum	3.7333	.75614
(D7) Pengaruh keluarga dan rakan-rakan	3.4333	.78905

Berdasarkan dapatan kajian, didapati terdapat dua item yang memiliki serakan respon yang pelbagai dengan sisihan piawai yang sama atau melebihi nilai 0.1, iaitu item D1, nilai min 3.1333 (SP=1.03) (pengaruh politik luar) dan D2, nilai min 3.5000 (SP=1.04) (Ekonomi teruk dan kadar pengangguran tinggi). Ini menunjukkan terdapat dua golongan pelajar bersetuju dan tidak bersetuju pelajar yang terlibat dalam protes disebabkan oleh pengaruh politik luar, serta pelajar yang melihat protes perlu dilakukan kerana perjuangan isu ekonomi dan kadar pengangguran yang tinggi. Terdapat 2 item yang memiliki nilai min melebihi 3.67 iaitu D5 dan D6 membuktikan bahawa pelajar-pelajar lebih cenderung terlibat dalam protes untuk memperjuangkan bangsa atau agama serta pengaruh media sosial.

Pelbagai isu yang dibangkitkan oleh pelajar-pelajar sepanjang berlangsungnya pilihan raya kampus 2014. Isu-isu ini saling berkait kerana ia boleh menjadi faktor lain yang mendorong pelajar-pelajar memprotes berdasarkan kepada lanskap politik di UKM. Jadual 4 menunjukkan lima isu yang dibangkitkan oleh mahasiswa UKM sepanjang tempoh pilihan raya tahun tersebut. Isu yang paling banyak dibangkitkan oleh mahasiswa dengan min sebanyak 3.9667, iaitu 'pengundi tidak mengenali calon yang bertanding'. Item seterusnya yang menjadi isu yang berbangkit adalah item 1 dengan 3.7167, iaitu 'pilihan raya tidak dijalankan dengan adil dan telus'. Item 2 mencatat min kedua tertinggi dengan catatan 3.8833, iaitu untuk pernyataan 'persaingan yang tidak sihat di antara calon bertanding'. Isu ini menimbulkan keresahan warga kampus khususnya pengundi-pengundi. Item 5 adalah terendah, dengan min sebanyak 3.5833, iaitu 'gangguan bunyi bising yang melampau semasa hari berkempen' bukanlah isu yang popular menjadi keresahan warga kampus UKM. Ini menunjukkan isu-isu yang berbangkit sepanjang pilihan raya juga boleh menjadi faktor yang mendorong pelajar untuk memprotes.



**Jadual 4. Isu-isu Berbangkit Sepanjang Pilihan Raya Kampus 2014**

Item	Min	Sisihan piawai
Pilihan raya tidak adil dan telus	3.7167	.86537
Persaingan tidak sihat di antara calon bertanding	3.8833	.84556
Perbalahan antara penyokong	3.8333	.90510
Pengundi tidak mengenali calon bertanding	3.9667	.95610
Gangguan bunyi bising semasa hari berkempen	3.5833	.96184

Bagi mendapatkan data bagi pilihan raya kampus tahun 2015, satu soalselidik telah dijalankan ke atas 130 responden yang memiliki latar belakang seperti berikut:

*Demografi responden*

Berdasarkan Jadual 5, bilangan responden mahasiswa perempuan adalah lebih tinggi berbanding dengan responden lelaki iaitu sebanyak 58.1 peratus. Dari segi umur responden yang terlibat pula, kebanyakan responden terdiri daripada mahasiswa tahun pertama pengajian di UKM dan hanya sebilangan kecil sahaja mereka yang terdiri daripada pelajar tahun kedua dan ketiga.

**Jadual 5. Jantina responden**

Jantina	Bangsa		
	Melayu	Cina	India
Lelaki	54	1	0
Perempuan	75	0	0

Berpandukan kepada Jadual 6, sebanyak 84.6 peratus mahasiswa tahun pertama yang menjadi responden manakala 15.4 peratus pula terdiri daripada pelajar tahun 2 dan 3. Fokus soal selidik adalah kepada pelajar-pelajar tahun pertama adalah dianggap berasas kerana pada tahap inilah kita dapat menilai tentang pemahaman mereka terhadap politik dan pilihan raya serta kelompok tersebut biasanya masih tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak yang berkepentingan berbanding dengan pelajar tahun kedua dan ketiga yang sudah pun terbiasa dengan suasana politik kampus sehingga menampakkan tindakan mereka yang memperlekehkan proses pilihan raya dan pengundian itu sendiri.

**Jadual 6. Tahun Pengajian Responden**

Jantina	Tahun		
	Pertama	Kedua	Ketiga
Lelaki	50	4	0
Perempuan	60	16	0

Kewujudan kumpulan pelajar tahun pertama yang berada pada posisi yang tidak pasti dan kategori pengundi atas pagar juga kelihatan dalam kalangan mereka terutamanya yang mendakwa mereka dipaksa dan diugut untuk keluar mengundi. Oleh itu, mereka mengambil jalan mudah iaitu dengan menjadi pengundi atas pagar atau melakukan undi protes (Jadual 7).

**Jadual 7. Faktor Mengundi**

Item	Kekekapan (N)	Peratus
Menjalankan tanggungjawab sebagai pelajar	95	73.1
Dipaksa dan diugut	9	6.9
Dapat memilih pemimpin yang layak	26	20

Daripada sejumlah 130 orang responden, sebanyak 6.9% pelajar menyatakan bahawa mereka mengundi dalam pilihan raya kampus atas faktor diugut atau dipaksa untuk turun mengundi. Situasi ini dilihat agak membimbangkan apabila pelajar-pelajar menginterpretasikan sesuatu tindakan itu dari sudut yang negatif. Kaedah paksaan sendiri dianggap sebagai salah satu daripada metode yang berkait rapat dengan proses sosialisasi politik. Dalam proses tersebut, terdapat dua metode dan pendekatan yang digunakan iaitu sama ada pendidikan politik ataupun indoktrinasi politik (Surbakti, Ramlan. 2010). Konsep indoktrinasi politik adalah merujuk kepada situasi di atas yang mana kaedah paksaan iaitu pihak autoriti memanipulasi masyarakat agar menerima apa-apa nilai dan norma politik yang ada dalam usaha mendidik masyarakat untuk berpartisipasi.

Jika merujuk kepada protes yang tercetis dalam kalangan mahasiswa tahun pertama yang dianggap masih kurang matang berpolitik, terdapat satu asas yang kukuh sekiranya faktor perubahan sosiobudaya dan sosioekonomi dalam kehidupan individu dibesarkan serta layanan istimewa yang diterima sejak kecil menjadikan mahasiswa tahun pertama lebih cenderung untuk menyatakan kekecewaan mereka melalui protes. Begitu juga dengan pelajar-pelajar yang datang daripada latar belakang keluarga luar bandar, kesan daripada kesempitan hidup dan faktor kemiskinan juga boleh menyumbang kepada terlibatnya mereka dalam protes. Pandangan ini adalah selari dengan pendapat oleh sarjana, iaitu Milbrath (1965). Beliau melihat bahawa latar belakang sosioekonomi individu akan menentukan bagaimana individu itu akan bertindak. Pelajar-pelajar yang berumur 21 tahun ke atas pula dilihat lebih terdedah kepada protes disebabkan oleh perkembangan media sosial di negara ini. Kajian yang dilakukan oleh Junaidi et. al. (2013) menunjukkan bahawa majoriti pelajar UKM cenderung menggunakan media sosial yang akan mempengaruhi perkembangan ilmu kepolitikan dan kesedaran berpartisipasi.

Namun, luahan protes tersebut juga boleh dilihat melalui rungutan mereka terhadap pihak pengurusan universiti. Malah, jika protes dilakukan melalui keengganan mereka untuk keluar mengundi atas faktor di atas juga boleh dianggap sebagai relevan. Ini membawa maksud bahawa pengundi yang berkelayakan enggan untuk keluar mengundi (*abstention*) atau mengambil alternatif lain dengan menjadi pengundi atas pagar. Keputusan individu untuk tidak menjalankan tanggungjawabnya untuk mengundi atau menjadi pengundi atas pagar adalah selari dengan Teori Pilihan Sosial (*Social Theory Choice*) yang diperkenalkan oleh para sarjana seperti Arrow (1963) dan Black (1958). Namun begitu, isu ini kurang popular dalam kalangan mahasiswa UKM antara tahun 2014-2015, tetapi berdasarkan kepada data di atas, situasi ini masih dianggap wujud dalam pilihan raya kampus UKM.

## Kesimpulan

Berdasarkan kepada hasil kajian yang diperolehi, dapat disimpulkan bahawa apa yang diinginkan oleh mahasiswa pada hari ini adalah segala keperluan dan kehendak mereka dapat dipenuhi terutamanya aspek kebajikan dan kebebasan berpolitik. Mahasiswa di UKM menyokong adanya pilihan raya kampus diwujudkan tetapi perlu dilaksanakan secara adil dan telus agar tidak timbul sebarang insiden yang tidak diinginkan. Kebanyakan mahasiswa sedar tentang keperluan mereka untuk turun mengundi dalam PRK, tetapi disebabkan oleh suasana politik kampus yang dikedok daripada lanskap politik luar, maka keinginan untuk berpartisipasi menurun, sebaliknya undian dilakukan atas dasar paksaan dan bukan dengan kerelaan. Manakala bagi pelajar-pelajar yang terlibat sebagai calon dan penyokong kuat parti pula, protes dan demonstrasi dilihat satu-satunya cara untuk menyuarakan rungutan mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Namun dengan adanya kekangan pelbagai akta dan

peraturan, ia telah menyekat keberanian mereka untuk terus mara ke hadapan. Sekiranya perkara ini tidak diambil peduli oleh mana-mana pihak, maka tidak mustahil sekiranya penglibatan mahasiswa dalam politik nasional juga akan menurun.

Kajian ini bertujuan melihat faktor-faktor yang mendorong keterlibatan mahasiswa UKM dalam protes politik di peringkat kampus. Hasil kajian mendapati bahawa faktor internal yang paling signifikan adalah isu kebajikan mahasiswa iaitu isu gangguan bekalan air dan masalah internet serta wi-fi. Kedua-dua elemen ini merupakan satu keperluan asas yang tidak boleh diabaikan. Ini menunjukkan bahawa protes dan demonstrasi mahasiswa di kampus UKM adalah lebih terarah kepada memperjuangkan hak dan kepentingan mahasiswa yang boleh diinterpretasikan sebagai satu bentuk rungutan berbanding dengan perjuangan untuk kepentingan parti semata-mata. Melihat kepada faktor eksternal pula, pengaruh politik luar merupakan item yang kurang popular berbanding dengan pengaruh media sosial dan semangat yang kuat untuk membela agama dan bangsa. Ini membuktikan bahawa pengaruh politik kepartian masih dianggap asing dalam mempengaruhi pemikiran mahasiswa terhadap politik sebenar dan mereka masih berada dalam lingkungan yang sama. Apa yang paling penting adalah mahasiswa hari ini perlu lebih berfikiran terbuka, bijak dan matang apabila membicarakan isu politik setelah mereka keluar dari universiti satu hari nanti.

## Rujukan

- Abou Hashish EA, Mohamed Fouad Kamel N (2014) Identity, political efficacy and expected political participation among nursing students after 25<sup>th</sup> January revolution. *Journal of Public Administration and Policy Research* 6, 69-76.
- Ahmad Lutfi Othman (1998) *Malaysia tanpa Anwar: Mampukah gerakan reformasi di bawah Azizah mengekang kediktatoran Mahathir?* Penerbitan Pemuda, Ampang.
- Arbi Sanit (1999) *Pergolakan melawan kekuasaan: gerakan mahasiswa antara aksi moral dan politik*. Pustaka Pelajar, Insist Press.
- Babbie E (2005) *The basics of social research*. Third edition. Thomson, Wadsworth.
- Berkowitz L (1972) Frustrations, comparisons and other sources of emotion aroused as contributors to social unrest. *Journal of Social Issues* 28, 77-92.
- Farnen Russell F, German DB (1972) Cross-national research on political socialization and educational processes. In: Allen R. Wilcox (eds) *Public Opinion and Political Attitudes*. Wiley, New York.
- Francis LKW, Saravanamuttu J (2003) Towards a new politics of fragmentation and contestation. In: Francis Loh Kok Wah, Johan Saravanamuttu (eds) *New Politics in Malaysia*. Institute of Southeast Asian Studies, Singapore. 278.
- Hazita Azman, Bahiyah Abdul Hamid, Zarina Othman (2011) *Malaysian Youth in the Global World: Issues and challenges*. Penerbit UKM, Bangi.
- Hussain M (1997) *Belia di Malaysia: Masalah, gerakan dan masa depan*. Aneka Publishing, Kuala Lumpur.
- Jenkins JC, Parrow C (1977) Insurgency of powerless: Farm worker's movement (1946-1972). *American Sociological Review* 42, 249-268.
- Junaidi Awang Besar et al., 2015. Managing political behavior of University Students. *Mediterranean Journal of Social Sciences* 6.
- Klandermans B (2005) *Protes dalam kajian psikologi sosial*. (terj). Helly P. Soetjipto. Pustaka Pelajar, Yogyakarta.
- Klandermans B, Van der Toorn J, Van Stekelenburg J (2008) Embeddedness and grievances: Collective action participation among immigrants. *American Sociological Review*.
- Lind EA, Tyler TR (1988) *The Social Psychology of Procedural Justice*. Plenum Press, New York.
- Lucian WP, Verba S (1965) *Political culture and political development*. Princeton University Press, Princeton.
- McAdam D, Tarrow S (2011) Introduction: Dynamics of contention ten years on. *Mobilization* 16, 1-10.

- McCarthy JD, Zald MN (1977) Resource mobilization and social movement: A partial theory. *The American Journal of Sociology* **82**, 42-69.
- Milbrath LW (1965) *Political Participation: How and why do people get involved in politics?* Rand-McNally and Co., Chicago.
- Mohd Fauzi Fadzil, Ku Hasnita Ku Samsu (2015) Student activism and the 13<sup>th</sup> Malaysian general election: The second civil society wave after 1969. *Jurnal Pertanika Sains Sosial dan Kemanusiaan* **23**,105-128.
- Mohd Fuad Mat Jali, Rashila Ramli, Mohd Yusof Kassim (2005) Minat, aspirasi dan pilihan politik belia Universiti Malaysia. In: Rohany Nasir, Hazita Azman, Ruzy Suliza Hashim, Mohd Yusof Hj. Abdullah, Rozmi Ismail (eds). *Prosiding Seminar Penyelidikan Pembangunan Generasi Muda: Realiti Generasi Muda Melangkah Ke Hadapan*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Hj. Mohd Awal, Abdul Halim Sidek & Khaidzir Hj. Ismail. 2009. Minat, Aspirasi dan Sokongan Politik Belia Universiti Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies* **1**, 99-116.
- Mohd Fuad Mat Jali., Junaidi Awang Besar & Mazlan Ali. (2013). Politik kampus: Kajian kes di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor. In: Nasir Nayan, Mohamad Suhaily Yusri Che Ngah, Yazid Saleh, Mohmadisa Hashim, Kamarul Ismail, Zainudin Othman, Mazdi Marzuki, Hamirdin Ithnin, Fauziah Che Leh, Mohd Faris Dziauddin, Mohd Hairiy Ibrahim & Zuriatunfadzaliah Sahdan (eds), *Prosiding Persidangan Kebangsaan Geografi dan Alam Sekitar Kali Ke 4*. Tanjong Malim, Perak. Jabatan Geografi dan Alam Sekitar, Universiti Pendidikan Sultan Idris. 5-6 Mac.
- Morgan DL (1997) *Focus groups as qualitative research*. Second edition. Sage Publications, California.
- Muhammad Abu Bakar (1973) *Mahasiswa menggugat: suatu analisis dan peninjauan dari dalam terhadap kegiatan mahasiswa-mahasiswa negara ini*. Pustaka Antara, Kuala Lumpur.
- Muhammad Abu Bakar (1984) *Pelajar melayu dan politik kebangsaan di Universiti Malaya*. Kertas Kerja Seminar AUKU. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Munson Z (2010) Mobilizing on campus: Conservative movements and today's college students. *Sociological Forum* **25**, 769-786.
- Nidzam Sulaiman, Bilcher Bala (2002) Persaingan parti dan demokrasi Malaysia. In: Mohd Yusof Kasim, Azlan Ahmad (eds). *Politik baru dalam pilihan raya umum*, pp. 28-60. Penerbit UKM, Bangi.
- Porta DD, Diani M (1999) *Social movements: An introduction*. Blackwell, Oxford.
- Rubin A, Babbie ER (2014) *Research methods for social works*. Eight edition. Brooks, Cole, USA.
- Rubin A, Babbie ER (2008) *Research methods for social work*. Sixth edition. Thomson Brooks/Cole, Australia.
- Rucht D (2007) *The spread of protest politics*. In: Klingemann RJ (eds) *The Oxford handbook of political behaviour*. Oxford University Press, Oxford, pp. 708-723.
- Sawahel W (2012) Arab States: Higher education after the uprisings. *University World News*. [Cited 2 February 2016]. Available from: <http://universityworldnews.com>
- Schulz W (2005) Political efficacy and expected political participation among lower and upper secondary students. A comparative analysis with data from the IEA civic education study. IEA civic education study. [Cited 1 April 2016]. Available from: <http://files.eric.ed.gov>
- Siti Noranizahhafizah et al. (2015) Penglibatan Mahasiswa dalam politik kampus di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). In: *Proceedings ICDETAH 2015*. 419-429.
- Sivamurugan Pandian (2014) University students and voting behaviour in general elections: Perceptions on Malaysian political parties leadership. *Asian Social Science* **10**, 225-231.
- Taylor SJ, Bogdan R (1984) *Introduction to qualitative research methods: The search for meanings*. Second edition. John Wiley and Sons. Toronto.
- Tilly C (1985) *Rebellious century*. Harvard University Press, Cambridge.
- Tilly C, Wood LJ (2009) *Social movements 1768-2008*. Second edition. Paradigm Publishers.
- Verba S, Nie NH (1972) *Participation in America: Political democracy and social equality*. Harper and Row, New York.

- Wasserstrom JN (1991) *Student Protests in twentieth-century China: The view from Shanghai*. Stanford University Press.
- Whitaker R (2006) Political protest. *Historica Canada*. [Cited 23 May 2015]. Available from: [www.thecanadianencyclopedia.ca/en/article/political-protest](http://www.thecanadianencyclopedia.ca/en/article/political-protest).
- William G (1975) *The strategy of social protest*. Wadsworth Publishers, Belmont
- Zeilig L, Ansell N (2008) Spaces and scales of African student activism: Senegalese and Zimbabwean university students at the intersection of campus, nation and globe. *Antipode* 40, 31-54.
- Zhao D (2009) Theorizing the role of culture in social movements. *Social Movement Studies*, 9, 33-50.